

07/03/2003

Erti 45 minit Dr M bersama Team Joran

Sang Bedal

UNTUK kali kedua, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyempurnakan acara melepaskan peserta pertandingan yang dianjurkan oleh Joran. Pertama pada 1998, apabila beliau melepaskan peserta Kategori Laut Dalam pusingan akhir GP Joran di Awana Porto Malai, Langkawi. Kedua, beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menyempurnakan acara serupa bagi pertandingan memancing Joran-Perdana MK Land anjuran MK Land Berhad di benteng pemecah ombak berhampiran Langkawi Lagoon Resort di Port Langkasuka, Sabtu lalu.

Sang Bedal sebagai anggota lama Team Joran, merasakan kehadiran Perdana Menteri sebagai satu kepuasan dan pengiktirafan kepada Unit Joran yang bertanggungjawab mempopularkan kegiatan memancing sejak tujuh tahun lalu. Ini juga satu pengesahan bahawa memancing bukan calang-calang hobi yang tidak lagi dipandang lekeh dan rendah oleh sesetengah pihak. Kenyataan Dr Mahathir bahawa memancing boleh dijadikan produk menarik pelancong, juga membuktikan kegiatan itu berpotensi menjana ekonomi sebahagian kelompok masyarakat jika ia dilaksanakan secara sistematik, berperaturan dan didedahkan secukupnya kepada orang ramai.

Mengenai Dr Mahathir pada acara itu, beliau memang diakui mengetahui banyak hal. Sehingga melontar umpan pun tidak perlu mendapat tunjuk marsyal bertugas. Beliau melontar umpan penuh bergaya dengan jarak yang sesuai dari atas benteng. Ini berbeza dengan VIP lain yang tidak tahu memancing atau memegang joran dengan betul.

Dengan menghabiskan kira-kira 45 minit bersama Team Joran di benteng pemecah ombak itu, Sang Bedal merasakan tempoh itu cukup singkat. Dalam tempoh itu, Sang Bedal turut menjelaskan secara ringkas senario hobi, sukan dan industri memancing di Malaysia yang kini menjana secara langsung perniagaan bernilai kira-kira RM2 bilion setahun. Cuma Sang Bedal tidak sempat memberitahu mengenai masalah kemusnahan sumber, kepupusan pelbagai spesies ikan serta pencemaran yang ternyata berpotensi memusnahkan segala-galanya seperti kegiatan memancing, industri perikanan serta pelancongan negara.

Kalau masa mengizinkan ketika itu, Sang Bedal akan memberitahu mengenai sikap kebanyakan nelayan pukut tunda, pukut jerut, pukut rimau, pukut apung dan beberapa jenis pukut yang tidak mesra alam. Begitu juga dengan kemungkinan cadangan mewujudkan dua kementerian berasingan bagi portfolio pertanian dan perikanan. Bagi Sang Bedal, sektor perikanan memerlukan pengkhususan, tumpuan, komitmen dan kekuatan dalam penguatkuasaannya. Bagi Sang Bedal, sektor perikanan adalah strategik kepada negara yang perlu diuruskan secara tegas, profesional dan sistematik. Kegagalan menguruskan sektor itu dengan berkesan bakal menyaksikan negara menanggung beban import yang berjumlah berbilion setahun.

Dengan mewujudkan Kementerian Perikanan, Sang Bedal yakin usaha memanfaatkan sektor perikanan sebagai sumber protein rakyat dapat dilakukan sebaik mungkin. Pada masa yang sama, spesies ikan tertentu boleh menjadi produk baru pelancongan negara yang kian popular sebagai destinasi ekotourisme.